

24 JAN 2001

Tahun Baru

TAHUN ULAR EMAS DISAMBUT MERIAH

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Rakyat Malaysia berketurunan Cina hari ini menyambut Tahun Baru secara meriah walaupun agak sederhana, menggambarkan keyakinan mereka bahawa Tahun Ular Emas ini membawa tuah dan nasib yang lebih baik.

Sungguhpun sesetengah masyarakat Cina percaya bahawa tahun ini mereka perlu berhati-hati terutama dalam bidang perniagaan, namun kemeriahan tetap terpancar menerusi majlis rumah terbuka yang diadakan di seluruh negara.

Acara yang sudah menjadi tradisi masyarakat majmuk Malaysia dalam menyambut perayaan masing-masing itu turut diserikan oleh kehadiran pemimpin-pemimpin negara dan tokoh-tokoh masyarakat untuk bersama-sama rakyat merayakannya.

Di ibu negara, parti MCA mengadakan rumah terbuka di Wisma MCA, Jalan Ampang, di sini. Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meraikan tetamu termasuk isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Selain MCA, parti Gerakan juga mengadakan rumah terbuka di ibu pejabatnya di Menara PGRM di sini. Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik melayan para tetamu terdiri daripada orang kenamaan dan orang ramai.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Dieng turut mengadakan rumah terbuka di Hotel Ritz Carlton di sini.

Kemesraan dan toleransi rakyat pelbagai kaum yang dicerminkan dalam majlis rumah terbuka seolah-olah menunjukkan bahawa ketegangan hubungan antara kaum baru-baru ini berhubung isu tuntutan berkaitan hak istimewa orang Melayu yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya (Suqiu), sudah dilupakan.

Begitu juga di bandar-bandar lain di seluruh negara, masyarakat Cina menyambut meriah kedatangan tahun ular dengan pelbagai acara kebudayaan termasuk tarian singa dan naga.

Di PERLIS, sambutan Tahun Baru Cina disambut secara sederhana tetapi tetap meriah berikutan ekonomi negara yang kembali pulih.

Beberapa pemimpin masyarakat mengadakan rumah terbuka sempena perayaan itu.

Antara mereka ialah anggota dewan undangan negeri kawasan Titi Tinggi, Loh Yoon Foo yang mengadakan rumah terbuka di Dewan Badminton Kaki Bukit mulai pukul 11 pagi hingga 3 petang.

Malam ini, majlis rumah terbuka akan dianjurkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perlis, Datuk Khor Liang Tee di Dewan Chee Yang Khor mulai pukul 8 malam.

Sementara itu, orang ramai turut mengambil kesempatan daripada cuti Tahun Baru Cina untuk bersantai di beberapa kawasan perkelahan di negeri ini termasuk Gua Kelam, Tasik Melati serta Sungai Batu Pahat.

Di ALOR SETAR, cuaca cerah membolehkan sambutan Tahun Baru Cina disambut dengan meriah.

MCA Kedah akan mengadakan rumah terbuka di Dewan Sekolah Menengah (Persendirian) Keat Hwa pada pukul 3 petang. Pengerusi MCA Kedah Datuk Chua Jui Meng, yang juga Menteri Kesihatan, serta Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dijadual menghadiri majlis berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menghadiri sambutan Tahun Baru Cina peringkat Parlimen Kubang Pasu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Yih Min di Changloon, Kedah pada pagi esok.

Di KOTA KINABALU, sambutan Tahun Baru Cina berlangsung sederhana dengan

masyarakat Cina menggunakan hari pertama perayaan itu untuk berkumpul sesama keluarga selepas upacara bersembahyang di tokong-tokong.

Bagaimanapun, acara rumah terbuka yang rasmi hanya akan berlangsung esok, antaranya anjuran Parti Maju Sabah (SAPP) di Pusat Perdagangan Sabah manakala rumah terbuka MCA Sabah pula berlangsung di SM Kian Kok di Jalan Tuaran.

Di IPOH, perayaan Tahun Baru Cina disambut meriah dengan acara rumah terbuka dan kunjung mengunjung diadakan.

Selain daripada berkunjung ke rumah saudara dan sahabat handai, ramai yang meluangkan masa ke tokong-tokong untuk beribadat terutama ke Tokong Gua Perak di Jalan Kuala Kangsar di sini.

Menteri Besar Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali dan isteri turut meluangkan masa berkunjung ke rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Datuk Ong Ka Chuan di Taman Gunung View.

Di PULAU PINANG, rumah terbuka Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon di Rumah Tetamu, Jalan Macalister dihadiri lebih 6,000 orang.

Selain melihat tarian singa, para tetamu dihiburkan dengan lagu-lagu sempena tahun baru oleh kumpulan koir "Satu Hati".

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Pengurusan Lalulintas negeri, Dr Teng Hock Nan turut mengadakan rumah terbuka di Dewan Shih Quah Huah di Pulau Tikus.

Apa yang menarik di rumah terbuka Ketua Menteri dan Dr Teng ialah masakan tempatan seperti nasi beriani, ayam masak merah dan roti jala menjadi hidangan utama pada tahun baru ini.

Selain itu, MCA Negeri turut mengadakan rumah terbuka di Dewan Dome, Komtar, yang dihadiri speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Yahaya Abdul Hamid, beberapa orang anggota exco kerajaan negeri dan para pemimpin parti.

Di SEREMBAN, kira-kira 5,000 orang termasuk Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad menziarahi rumah terbuka anjuran MCA negeri di dewan Majlis Perbandaran Seremban.

Pengerusi MCA negeri Datuk Wong See Wah, timbalannya Datuk Dr Yeow Chai Thiam dan setiausaha agung Datuk Hon Choon Kim serta pemimpin-pemim MCA negeri meraikan para tetamu. Majlis turut diserikan dengan persembahan kebudayaan masyarakat Cina.

Di LANGKAWI, pelancong termasuk keturunan Cina mengambil peluang dari cuti Tahun Baru Cina dan cuti sekolah untuk makan angin ke pulau peranginan ini dan melancong ke tempat-tempat menarik.

Jeti Kuah dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang merupakan pintu masuk melalui laut dan udara di sini penuh sesak dengan pelancong.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat serta timbalannya Abdul Halim Abdul Rahman meluangkan masa hampir sejam di rumah terbuka anggota dewan undangan negeri Kota Lama, Anuar Tan Abdullah di Pusat Khidmat dewan undangan negeri itu di Jalan Kebun Sultan.

Turut mengadakan rumah terbuka ialah Timbalan Pengerusi MCA Kelantan Liong Sui Siang di kediamannya di Tanjung Chat.

DI KUALA TERENGGANU, MCA Terengganu dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kawasan Bandar mengadakan rumah terbuka di kediaman Timbalan Pengerusi MCA Terengganu, Wong Foon Meng di Jalan Air Jernih.

Sempena cuti Tahun Baru Cina dan cuti sekolah, negeri ini juga menyaksikan kedatangan ramai pelawat tempatan dari negeri-negeri lain yang mengunjungi tempat-tempat pelancongan dan membeli belah.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam menghadiri majlis rumah terbuka MCA negeri di dewan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah.

Pengerusi MCA negeri, Datuk Wira Gan Boon Leong, anggota Exco Datuk Poh Ah Tiam dan Datuk Seah Kwi Tong adalah antara 3,000 orang yang menghadiri

majlis itu.

Sambutan tahun baru turut meriah dengan sebahagian mereka memilih untuk mengadakan pertemuan keluarga di hotel-hotel dan restoran di bandar ini.

Di JOHOR, perayaan Tahun Baru Cina disambut sederhana tetapi meriah dengan beberapa buah persatuan Tionghua dan Dewan Perniagaan Cina mengadakan majlis ramah mesra.

Antara tetamu yang menghadiri majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Timbalan Menteri Kerja Raya Mohamed Khaled Nordin dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Baharu Datuk Johari Suratman.

Cuaca cerah di bandar raya ini memberi kesempatan kepada golongan muda untuk bersiar-siar termasuk mengunjungi zoo negeri yang terletak di Jalan Gertak Merah.

-- BERNAMA

AZ TAJ NO ZU TAJ BD ZS BH AKD